




# PENYATA

JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI  
BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS)  
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR  
BERKENAAN  
SELANGOR STATE INVESTMENT CENTRE BERHAD (SSIC)



PEJABAT DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

Tingkat 1, Bangunan Annex,  
Bangunan Dewan Negeri Selangor,  
40680 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

Telefon : 03-55447615, 55447616, 55447617, 55447618, 55447422





PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI,  
BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS)  
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN  
SELANGOR STATE INVESTMENT CENTRE BERHAD (SSIC)

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN  
DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI  
SELANGOR BERKENAAN SELANGOR STATE INVESTMENT CENTRE BERHAD  
(SSIC)**

**1. PENDAHULUAN**

Selaras dengan Peraturan 68c. (1) – (2) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2014 pada 7 – 11 April dan 14 – 18 April 2014.

**2. PENDENGARAN TERTUTUP**

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2012, Siri 1 pada muka surat 23-36, JP-ABAS telah mengadakan pendengaran tertutup pada 21 Januari 2014 (Selasa) bagi menyiasat dan mendengar taklimat mengenai status kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat SSIC. Wakil-wakil daripada SSIC hadir untuk memberi keterangan di bawah sumpah.

Hadir dalam pendengaran tertutup tersebut:

- |   |           |
|---|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B Tuan Khasim bin Abdul Aziz<br>(ADN Lembah Jaya)          | Ahli      |
| 3. Y.B Tuan. Ng Sze Han<br>(ADN Kinrara)                        | Ahli      |
| 4. Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Damansara Utama)               | Ahli      |
| 5. Y.B. Puan Gan Pei Nei<br>(ADN Rawang)                        | Ahli      |

Jabatan yang dijemput adalah Selangor State Investment Centre Berhad (SSIC):

1. Encik Hasan Azhari bin Haji Idris

## URUS SETIA

- i) Puan Elya Marini binti Darmin  
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
- ii) Encik Mohd Khairul Ashraff bin Radzali  
Ketua Penolong Setiausaha
- iii) Puan Noor Diana binti Razali  
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iv) Puan Siti Salina binti Muftar  
Setiausaha Pejabat
- v) Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid  
Setiausaha Pejabat
- vi) Cik Apsara Murale  
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

## Ketua Pegawai Eksekutif SSIC Berhad

2. Encik Mohd Azuan bin Khairoji  
Pengurus Kanan SSIC Berhad
3. Puan Nora Fairuz binti Muhamad Yunos  
Pengurus Kewangan SSIC Berhad

## 3. LATARBELAKANG SSIC

Selangor State Investment Centre Berhad (SSIC) telah ditubuhkan pada 22 April 1999 di bawah Akta Syarikat 1965 dan merupakan syarikat milik penuh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) – (MBI). Penubuhan SSIC adalah untuk meningkatkan kemasukan pelaburan ke Negeri Selangor dari dalam dan luar negara. SSIC merupakan sebuah entiti yang tidak berorientasikan keuntungan tetapi berteraskan perkhidmatan dan perbelanjaannya dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri melalui geran.

## 4. PENEMUAN AUDIT, STATUS KEWANGAN DAN ISU-ISU PENELITIAN JAWATANKUASA

Pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara antara bulan Julai hingga Oktober 2012 mendapati bahawa status kewangan SSIC adalah memuaskan. Jadual di bawah menunjukkan kedudukan Kewangan SSIC dari tahun 2009 hingga 2011:-

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Geran Diterima	4.28	4.98	6.92
Lain-lain Pendapatan	0.48	0.16	0.39
Jumlah Pendapatan	4.76	5.14	7.31
Perbelanjaan Operasi	1.17	1	0.76
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	3.05	4.03	5.47
Kos Kewangan	0	0	0
Jumlah Perbelanjaan	4.22	5.03	6.23
Lebihan Pendapatan	0.54	0.11	1.08
Lebihan Pendapatan Terkumpul	0.8	0.91	1.99

Pendapatan SSIC selain geran kerajaan negeri ialah yuran pengurusan, yuran seminar, tajaan faedah atas simpanan dan yuran penyertaan yang diterima.

Selain itu, pengauditan yang dijalankan juga mendapati bahawa pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat SSIC adalah memuaskan.

Seiring dengan teguran Audit dan hasil daripada pendengaran tertutup, Jawatankuasa berpendapat bahawa terdapat enam kelemahan yang perlu diperbaiki oleh SSIC. Secara ringkasnya, kelemahan-kelemahan yang tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Maklumat pelaburan tidak diselenggarakan dengan sempurna
- (2) Penambahan *Standard Operating Procedure (SOP)* bagi lima proses pengurusan kewangan masih belum dimuktamadkan
- (3) Pengasingan tugas tidak diwujudkan
- (4) Pembayaran pembelian dipecahkecilkan
- (5) Bayaran tidak disokong dengan dokumen lengkap
- (6) Prestasi menarik kemasukan pelaburan perlu dipertingkatkan

## 5. PENEMUAN JAWATANKUASA

### 5.1 Maklumat Pelaburan Tidak Diselenggarakan dengan Sempurna

#### Semakan Audit:

1. SSIC hanya mempunyai maklumat lokasi perindustrian secara umum pada laman sesawang dan banyak bergantung kepada pihak luar atau tuan tanah untuk mendapatkan maklumat sebenar mengenai sesuatu kawasan perindustrian yang dibangunkan.
2. SSIC tidak mempunyai sistem maklumat yang bersepadan bagi menyimpan maklumat mengenai pelaburan.
3. 120 (36.8%) daripada 326 masalah yang dilaporkan oleh pelabur-pelabur masih belum dapat diselesaikan oleh pihak SSIC.

#### Perakuan SSIC:

1. SSIC telah bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Shah Alam bagi membangunkan Inventori Industri bagi menguruskan maklumat secara sistematik dan berpusat. Internal server untuk sistem maklumat berpusat telah siap.

## AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS):

- |   |           |
|---|-----------|
| i) Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| ii) Y.B Tuan Khasim bin Abdul Aziz<br>(ADN Lembah Jaya)         | Ahli      |
| iii) Y.B Tuan. Ng Sze Han<br>(ADN Kinrara)                      | Ahli      |
| iv) Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Damansara Utama)              | Ahli      |
| v) Y.B. Puan Gan Pei Nei<br>(ADN Rawang)                        | Ahli      |
| vi) Y.B. Tuan Amirudin bin Shari<br>(ADN Batu Caves)            | Ahli      |
| vii) Y.B.Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Dengkil)          | Ahli      |

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Ahli) dan Y.B. Puan Gan Pei Nei (Ahli) Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JP-ABAS di mesyuarat Jawatankuasa pada 25 Februari 2014.

Disahkan oleh:



YB Tuan Haji Saari bin Sungib

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat  
(JP-ABAS)

- SSIC tidak dapat menyelesaikan sebahagian besar daripada masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur kerana masalah pelaburan tersebut terletak di luar bidang kuasa SSIC seperti utiliti dan infrastruktur.

**Penemuan Jawatankuasa:**

- Pihak SSIC dalam proses mengemaskini maklumat pelaburan dengan mendapatkan senarai kawasan perindustrian yang telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang daripada PBT-PBT, mengadakan pertemuan dengan pelabur-pelabur yang terlibat dalam pembangunan kawasan-kawasan perindustrian dan mengumpul maklumat berkenaan kilang-kilang yang hendak disewa atau dijual melalui agen-agen hartanah berdaftar.
- SSIC tidak mempunyai senarai yang lengkap untuk semua kawasan perindustrian yang telah mendapat Kebenaran Merancang di negeri Selangor. SSIC hanya mendapat Kebenaran Merancang daripada sesetengah PBT sahaja seperti jadual di bawah:

Tarikh	PBT	Jumlah Perindustrian yang Diluluskan	Kawasan
27 Sept 2013	MDHS	2	
1 Okt 2013	MDSB	5	
10 Okt 2013	MP Sepang	6	
31 Nov 2013	MPK	16	
13 Dis 2013	MPKj	56	

Proses mengemaskinikan maklumat dijangka siap pada bulan **Disember 2014**

- Sehingga kini, SSIC Berhad hanya telah menyiapkan inventori kawasan perindustrian bersama Majlis Bandaraya Shah Alam sahaja.
- SSIC tidak mampu menyelesaikan sebahagian besar masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur kerana menerima kekangan daripada pihak ketiga seperti Pihak Berkusa Tempatan (PBT).

**5.2 Penambahan Standard Operating Procedures bagi 5 Proses Pengurusan Kewangan Masih Belum Dimuktamadkan**

**Semakan Audit:**

Penambahan lima lagi SOP berkaitan proses pengurusan kewangan akan dikemukakan kepada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) – (MBI) untuk kelulusan dan disahkan oleh Ahli Lembaga Pengarah SSIC pada 8 Februari 2013.

**Perakuan SSIC:**

1. SSIC telah menyiapkan keseluruhan SOP yang merangkumi:
  - i) pengurusan pentadbiran
  - ii) pengurusan kewangan
  - iii) pengurusan kesetiausahaan syarikat
  - iv) pengurusan tatatertib dan disiplin
  - v) pengurusan pentadbiran am termasuk SOP pelupusan bahan promosi dan SOP pinjaman peribadi pengarah.
2. Penambahan lima SOP berkaitan proses pengurusan kewangan telah mendapat kelulusan daripada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) – (MBI) untuk kelulusan dan disahkan oleh Ahli Lembaga Pengarah SSIC pada 8 Februari 2013 yang lalu.

**Penemuan Jawatankuasa:**

Penambahan lima SOP berkaitan proses pengurusan kewangan SSIC telah dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah SSIC pada 8 Februari 2013 yang lalu.

**5.3 Pengasingan Tugas Tidak Diwujudkan**

**Semakan Audit:**

Pengasingan tugas tidak diwujudkan untuk memastikan pegawai yang menyedia, mengesah dan meluluskan bayaran adalah berbeza.

**Perakuan SSIC:**

SSIC telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan melantik beberapa orang pegawai baru yang diberi pengkhususan tugas dalam menguruskan pentadbiran kewangan dan syarikat pada tahun 2011.

**Penemuan Jawatankuasa:**

1. Tiada pengasingan tugas dalam pengurusan kewangan adalah satu kesalahan yang serius kerana tiada *check and balance* dan ini boleh menyebabkan penyelewengan dan salah guna kuasa.
2. SSIC telah melaksanakan pengasingan tugas pada bulan September 2011 dengan perlantikan Pegawai Eksekutif Kewangan, Kerani Kanan Kewangan, Eksekutif Pentadbiran Syarikat dan Kerani Pentadbiran yang menjalankan fungsi-fungsi yang berlainan.

8. SSIC hendaklah memastikan setiap bayaran termasuk pinjaman peribadi dan bonus kepada kakitangan dan Ketua Pegawai Eksekutif SSIC Berhad disertai dengan dokumen yang lengkap supaya tidak timbul penyelewengan.
9. Jika pinjaman peribadi kakitangan dan Ketua Pegawai Eksekutif SSIC Berhad melebihi sesuatu nilai, gaji saraan mereka harus dipotong untuk memastikan pembayaran gaji adalah adil.
10. Pemberian bonus hendaklah berpandukan kepada prestasi dan keuntungan syarikat SSIC Berhad dengan kadar yang sesuai dan bukan berdasarkan pemberian lebihan geran oleh Kerajaan Negeri.
11. SSIC harus memanfaatkan promosi MIDA kerana rangakaian pejabat MIDA lebih luas.

Lumpur					
Perlis	3	44,342,440	0	44,342,440	0%
Labuan	-	-	-	-	
<b>Jumlah</b>	<b>787</b>	<b>21,564,773,763</b>	<b>30,536,352,301</b>	<b>52,101,126,064</b>	<b>1</b>

Sumber: MIDA

2. Berdasarkan jadual di atas, terdapat peningkatan jumlah pelaburan dalam Selangor pada tahun 2013 berbanding tahun 2012.
3. Namun begitu, Selangor harus meningkatkan lagi prestasi kemasukan pelaburan. Jumlah peratusan keseluruhan pelaburan Selangor ialah 19% daripada jumlah keseluruhan pelaburan negara. Prestasi pelaburan tersebut tidak memuaskan memandangkan Selangor menyumbang 23% daripada jumlah ekonomi negara. Untuk memastikan Selangor terus menjadi peneraju ekonomi negara, prestasi peratusan jumlah keseluruhan pelaburan Selangor mesti 23% dan ke atas.
4. Dari segi pelaburan dari luar negara, Selangor berada pada kedudukan nombor tiga dalam dengan kedudukan nombor dua dalam jumlah keseluruhan pelaburan dalam Selangor.
5. SSIC tidak mempunyai *Blue Print* dan pelan tindakan untuk memantau dan menilai tahap prestasi kemasukan pelaburan sejak tahun 2010.

## 6. SARANAN JAWATANKUASA

1. SSIC hendaklah mempunyai *Blue Print* dan pelan tindakan untuk meningkatkan lagi prestasi kemasukan pelaburan dari dalam dan luar negara.
2. SSIC hendaklah memastikan maklumat dan inventori PBT dikemaskinikan.
3. SSIC hendaklah memastikan setiap maklumat berkaitan rancangan tempatan PBT diberikan.
4. PBT perlu meningkatkan lagi tahap perkhidmatan di kawasan-kawasan perindustrian untuk meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur.
5. SSIC perlu membuat penyemakan pengurusan kewangan mengikut SOP yang ditetapkan dan membuat kompilasi SOP.
6. SSIC hendaklah memastikan amalan pengasingan tugas diterapkan dalam budaya pengurusan dan pentadbiran SSIC Berhad.
7. SSIC hendaklah memastikan amalan pengecilan cek untuk membuat pembayaran pembelian tidak diulangi dan memastikan amalan tersebut tidak diterapkan dalam budaya pengurusan dan pentadbiran syarikat.

## 5.4 Pembayaran Pembelian Dipecahkecil untuk Mengelakkan Kelulusan Pihak Ketiga

### Semakan Audit:

Bayaran berjumlah RM 4.67 juta melibatkan 43 baucar dengan nilai setiap bayaran antara RM50,000 hingga RM415,800 telah dipecahkecilkan kepada 102 cek bernilai antara RM4,901 hingga RM50,000.

### Perakuan SSIC:

1. Amalan memecahkecilkan pembayaran pembelian adalah untuk membolehkan SSIC membuat pembayaran dengan lebih cepat kepada pembekal terutamanya pembekal Bumiputra yang memerlukan kecairan wang.
2. SSIC Berhad tidak lagi mempraktikkan sebarang pengecilan cek bagi mengelakkan kelulusan oleh pihak ketiga (muka surat 38 laporan maklumbalas SSIC).

### Penemuan Jawatankuasa:

1. Amalan memecahkecilkan pembayaran pembelian yang menggunakan cek tidak boleh diterima kerana tiada kawalan terhadap pembayaran pembelian yang melibatkan perbelanjaan yang besar.
2. Amalan pengecilan cek untuk membuat pembayaran pembelian tidak lagi dipraktikkan oleh SSIC Berhad.

## 5.5 Bayaran Tidak Disokong dengan Dokumen yang Lengkap

### Semakan Audit:

1. Di antara tahun 2009 hingga tahun 2011, bayaran berjumlah RM 237, 717 tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap. Nilai setiap bayaran ini adalah antara RM3 ribu hingga RM20 ribu (muka surat 35 laporan audit siri 1 tahun 2012)
2. Didapati 12 daripada 28 bayaran dengan nilai RM91,360 juga tidak dinyatakan tujuan bayaran. (muka surat 35 laporan audit siri 1 tahun 2012)
3. Selain itu, sebanyak 10 bayaran pendahuluan (kontingensi) berjumlah RM140,960 tidak dinyatakan secara terperinci mengenai tujuan perbelanjaan. (muka surat 35 laporan audit siri 1 tahun 2012).
4. Kesemua bayaran di atas telah diluluskan oleh bekas Ketua Pegawai Eksekutif dan cek juga telah ditandatangani oleh Pengurus Kanan Bahagian Kewangan dan Pentadbiran SSIC

- (muka surat 35 laporan audit siri 1 tahun 2012 dan muka surat 38 laporan maklum balas SSIC)
5. Didapati kadar bayaran bonus adalah berdasarkan geran yang berlebihan dan bukan berpandukan keuntungan dan prestasi SSIC Berhad (muka surat 33 laporan Ketua Audit Negara)

#### Perakuan SSIC:

1. Menurut rekod kewangan SSIC Berhad dari tahun 2009 – 2011, kesemua transaksi adalah berkaitan dengan pinjaman peribadi Dato' Mohd. Jabar bin Ahmad Kembali, bekas Ketua Pegawai Eksekutif SSIC Berhad (muka surat 38 laporan maklum balas SSIC)
2. Setelah menerima teguran Audit, Bahagian Kewangan SSIC telah memperketatkan proses permohonan pinjaman peribadi dan akan memastikan semua prosedur pinjaman peribadi kakitangan dipatuhi di samping penambahbaikan butiran borang pinjaman tersebut.
3. Cadangan pembayaran bonus tahunan akan dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah SSIC Berhad untuk dibincangkan dan diluluskan terlebih dahulu sebelum ianya dibayar kepada kakitangan yang layak. (muka surat 42 laporan maklum balas SSIC).

#### Penemuan Jawatankuasa:

1. Pinjaman peribadi kepada kakitangan SSIC Berhad yang tidak melebihi 10 kali gaji pokok adalah dibenarkan dengan kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif berdasarkan terma dan syarat perkhidmatan SSIC.
2. Pinjaman peribadi kepada bekas Ketua Pegawai Eksekutif telah diselesaikan.
3. Bayaran bonus melalui lebihan geran adalah tidak wajar memandangkan pemberian lebihan geran adalah kerana SSIC Berhad tidak dapat melaksanakan semua program yang dirancang.

#### **5.6 Prestasi Menarik Kemasukan Pelaburan Perlu Dipertingkatkan**

#### Semakan Audit:

Prestasi pelaburan dalam negeri Selangor adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pelabur	Jumlah Pelaburan dalam Negeri (RM Bilion)	Jumlah Pelaburan luar Negara (RM Bilion)	Jumlah (RM Bilion)
2009	278	2.75	4.00	6.75
2010	325	5.49	5.15	10.64

2011	263	4.50	4.24	8.74
2012	186	5.47	2.21	7.68
<b>Jumlah</b>	<b>1,052</b>	<b>18.21</b>	<b>15.60</b>	<b>33.81</b>

Sumber: MIDA

#### Perakuan SSIC:

1. Prestasi pelaburan di Negeri Selangor menurun pada tahun 2011 dan 2012 disebabkan oleh perubahan bilangan pelabur yang keluar masuk di Negeri Selangor.
2. SSIC berusaha menarik minat pelabur-pelabur luar negara dengan menyediakan pelbagai bahan promosi seperti video montage, brosur, majalah dan buku seperti Selangor The Investor's Choice.
3. Kebanyakan pelabur China di Selangor lebih berminat kepada sektor harta tanah. SSIC sedang berusaha menarik minat mereka dengan lebih menumpu kepada industri teknologi maklumat, penyelenggaraan dan pembinaan kapal terbang, pembinaan panel suria dan sebagainya.

#### Penemuan Jawatankuasa:

1. Prestasi pelaburan dalam negeri Selangor pada tahun 2013 adalah seperti berikut:

Negeri	Bil. Proj	Pelaburan Dalam Negeri (RM)	Pelaburan Luar Negeri (RM)	Cadangan Jumlah Pelaburan Modal (RM)	% Jumlah Pelaburan
Johor	197	2,911,304,950	11,533,290,742	14,444,595,692	28%
Selangor	228	6,207,711,909	3,625,294,943	9,833,006,852	19%
Sarawak	21	1,452,324,517	6,824,049,568	8,276,374,085	16%
Pulau Pinang	119	2,117,861,775	1,794,394,490	3,912,256,265	8%
Sabah	25	2,433,256,178	1,000,820,952	3,434,077,130	7%
Pahang	17	1,343,033,912	1,475,833,091	2,818,867,003	5%
Kedah	39	2,431,773,812	102,745,474	2,534,519,286	5%
Perak	54	871,735,967	1,489,464,658	2,361,200,625	5%
Negeri Sembilan	35	282,054,511	1,405,852,647	1,687,907,158	3%
Melaka	27	465,722,043	1,027,958,041	1,493,680,084	3%
Kelantan	5	809,480,000	186,000,000	995,480,000	2%
Terengganu	8	119,865,030	64,202,980	184,068,010	0%
Kuala Lumpur	9	74,306,718	6,444,716	80,751,434	0%